



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN HAB HALAL**

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014

URUSAN PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) /Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bahawa sebarang urusan berkaitan dengan permohonan pensijilan halal Malaysia hendaklah diurus secara terus oleh pemohon tanpa melalui pihak ketiga.

LATARBELAKANG

2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) selaku pihak berkuasa berwibawa pensijilan halal Malaysia sentiasa menekankan akan tanggungjawab syarikat dalam pematuhan piawaian halal yang ditetapkan. Justeru adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat untuk memahami segala syarat, keperluan, peraturan dan prosedur pensijilan halal sebelum memohon pensijilan halal.

3. Segala maklumat berkaitan dengan syarat, keperluan, peraturan dan segala urusan permohonan sijil halal boleh diperolehi secara terus melalui portal halal Malaysia www.halal.gov.my atau boleh berurusan terus dengan JAKIM atau JAIN seluruh Malaysia.

URUSAN PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA DILAKUKAN TERUS OLEH PEMOHON

4. Bagi memastikan pensijilan halal Malaysia berjalan lancar, JAKIM dan JAIN melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pensijilan Halal Bil. 2/2014 telah bersetuju bahawa urusan pensijilan halal Malaysia hendaklah dilakukan secara terus oleh pemohon, tanpa melalui pihak ketiga.

5. Ini bertujuan supaya pemohon sendiri memahami segala syarat, keperluan, peraturan dan prosedur pensijilan halal sebelum membuat permohonan dan

seterusnya lebih bertanggungjawab terhadap pematuhan sistem kawalan halal dalam syarikat pemohon.

6. Walau bagaimanapun, JAKIM dan JAIN tidak menghalang pihak syarikat untuk melantik pihak-pihak tertentu bagi membantu dan membimbing industri dalam membangunkan sistem pengurusan halal dalaman syarikat ke arah mematuhi segala keperluan pensijilan halal Malaysia.

SKOP

7. Pekeliling ini meliputi semua permohonan (dalam dan luar negara).

IMPLIKASI

8. Penggunaan pihak ketiga boleh membawa implikasi kepada permohonan tidak berjaya atau tidak diproses. JAKIM/ JAIN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang masalah yang timbul disebabkan perkara ini.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini adalah mula berkuatkuasa pada **1 OGOS 2014**.

PERTANYAAN

8. Sebarang pertanyaan berkaitan pekeling ini hendaklah dirujuk kepada :

Bahagian Hab Halal
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 1 dan 3, Menara PjH
No. 2 Jalan Tun Abdul Razak
Presint 2
62100 Putrajaya

No. Telefon : 03-8892 5000
No. Faks : 03-8892 5005

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Putrajaya
21Julai 2014